Pampasan bagi kematian atau hilang upaya (Manfaat-manfaat) adalah seperti yang dihuraikan di bawah sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut adalah tercedera dan dalam masa dua tahun ianya berlaku **Kecederaan** tersebut adalah penyebab tunggal kepada kematian atau hilang upaya berkenaan.

Manfaat	Pampasan
1. Kematian Kemalangan	Jumlah Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual
	Peratusan
2. Hilang Upaya Keseluruhan Kekal seperti yang dinyatakan di bawah	Jumlah Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual
a. Hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat daripada terlibat atau menyertai pekerjaan atau kerjaya daripada mana-mana dan setiap jenis	100%
b. Kehilangan kesemua penglihatan secara keseluruhan dan kekal pada sebelah atau kedua-dua mata	100%
c. Kehilangan keseluruhan oleh	

pemotongan fizikal atau kehilangan penggunaan secara keseluruhan dan kekal untuk:	
Satu atau dua anggota	100%
Sebelah atau dua belah tangan	100%
Lengan di atas siku	100%
Lengan pada atau di bawah siku	100%
Kaki di atas lutut	100%
Kaki pada atau di bawah lutut	100%
d. Ketidakarwan secara kekal dan keseluruhan	100%
3. Hilang Upaya Separa Kekal seperti yang dinyatakan di bawah	Suatu jumlah yang sama dengan peratusan Jumlah Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual . Peratusan yang boleh dibayar adalah ditunjukkan di bawah terhadap setiap Manfaat, tetapi tidak melebihi kesemua 100% bagi mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan .
a. Kehilangan keseluruhan dan kekal untuk:	
Penglihatan pada sebelah mata melainkan 50% persepsi cahaya	
Lensa pada sebelah mata	50%
b. Kehilangan keseluruhan oleh pemotongan fizikal atau kehilangan penggunaan secara keseluruhan dan kekal untuk:	
Ibu jari dan empat jari pada sebelah tangan	53%
Empat jari pada sebelah tangan	50%
Ibu jari (dua ruas)	25%
Ibu jari (satu ruas)	10%
Jari telunjuk (tiga ruas)	15%
Jari telunjuk (dua ruas)	8%
Jari telunjuk (satu ruas)	4%
Jari Hantu (tiga ruas)	6%
Jari Hantu (dua ruas)	4%
Jari Hantu (satu ruas)	2%
Jari Manis (tiga ruas)	8%
Jari Manis (dua ruas)	4%
Jari Manis (satu ruas)	2%
Jari kelingking (tiga ruas)	6%
Jari kelingking (dua ruas)	3%
Jari kelingking (satu ruas)	2%
Semua jari kaki pada sebelah kaki	17%
Ibu jari kaki (dua ruas)	5%
Ibu jari kaki (satu ruas)	2%
Mana-mana jari kaki yang lain	3%
c. Kehilangan secara keseluruhan dan kekal untuk:	
Pendengaran pada kedua-dua telinga	75%
Pendengaran pada sebelah telinga	25%
Pertuturan	60%

Apabila **Kecederaan** tersebut tidak dinyatakan, kami berhak untuk menggunakan suatu peratusan pampasan yang pada pandangan kami adalah bukan tidak konsisten dengan peruntukan di dalam **Jadual**.

Manfaat-manfaat berikut membentuk sebahagian daripada perlindungan polisi ini sekiranya ianya dinyatakan di dalam **Jadual**:

4. Elaun Pemulihan	
Pengubahsuaian perlu kepada tempat tinggal atau kenderaan bermotor dan mana-mana bantuan perubatan lain sekiranya Orang Yang Diinsuranskan terus bergantung kepada kerusi roda untuk suatu tempoh yang tidak kurang daripada 6 bulan.	RM5,000
5. Perbelanjaan Pengubumian Pembakaran & Repatriasi	
Yang dikenakan secara perlu dan munasabah dan disokong oleh akaun beresit daripada suatu pengurus pengubumian/pengangkut pesawat (tetapi hanya setakat perbelanjaan yang tidak boleh diperolehi semula daripada mana-mana sumber lain) berkenaan dengan kematian Orang Yang Diinsuranskan yang boleh dibayar dengan pampasan di bawah Polisi ini.	Pengembalian semula sehingga Jumlah Yang Diinsuranskan sebanyak RM2,000 dengan syarat bahawa ianya adalah amaun maksimum yang boleh dibayar untuk mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan dalam mana-mana satu kemalangan.

6. **Hilang Upaya Keseluruhan Sementara**
Daripada menyertai atau melaksanakan tugas atau pekerjaan biasa

7. **Hilang Upaya Separa Sementara**
Daripada menyertai atau melaksanakan tugas atau pekerjaan biasa

Manfaat Mingguan yang dinyatakan di dalam **Jadual** bagi tempoh yang tidak melebihi 104 minggu dari bermulanya hilang upaya tersebut.

8. **Perbelanjaan Perubatan**
Bayaran atau caj perubatan, pembedahan, hospital, rumah penjagaan dan penjagaan yang dikenakan dalam masa 104 minggu dari terjadinya Kecederaan, dengan syarat bahawa semua bayaran atau caj sedemikian adalah dikenakan secara perlu dan munasabah bagi khidmat-khidmat profesional daripada seorang **Pengamal Perubatan** yang berkelayakan penuh dan berdaftar di hospital/ klinik berdaftar dan / atau kiropraktor / Tabib Cina / Pengikat Tulang yang berdaftar.

Pembayaran balik bagi Perbelanjaan Perubatan sehingga Jumlah Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam **Jadual** berkenaan dengan mana-mana satu **Orang Yang Diinsuranskan** di dalam mana-mana satu kemalangan termasuklah kos **Rawatan Perubatan Kiropraktor/ Tradisional** sehingga jumlah maksimum RM250 bagi setiap rundingan.

9. **Pendapatan Hospital**
Suatu manfaat harian bagi tempoh penahanan Diri Yang Diinsuranskan di sebuah hospital bagi rawatan **Kecederaan**.

Pembayaran balik sehingga amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual** bagi mana-mana satu **Orang Yang Diinsuranskan** di dalam mana-mana satu kemalangan sehingga 52

10. **Bayaran Ambulans**
Membayar balik caj-caj yang telah dikenakan oleh hospital atau oleh sebuah syarikat ambulans swasta untuk kecemasan/maklum balas ambulans yang diakibatkan oleh suatu kemalangan seperti yang telah ditakrifkan di dalam polisi ini sehingga had yang telah dinyatakan di dalam **Jadual** ini.

11. **Elaun Kematian**
Kami akan membayar kepada Wakil **Orang Yang Diinsuranskan Yang Sah** sehingga had yang telah dinyatakan di dalam **Jadual** sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

12. **Pembelian Peralatan Ortopedik**
Membayar balik perbelanjaan sebenar yang ditanggung sehingga had seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** bagi pembelian peralatan ortopedik yang telah disarankan oleh seorang doktor bedah ortopedik akibat daripada hilang upaya kekal yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang telah ditakrifkan di dalam perjanjian ini.

Had Pampasan Keseluruhan

Liabiliti maksimum agregat kami berkenaan dengan semua **Orang Yang Diinsuranskan** yang membuat perjalanan di dalam sebuah pesawat atau kenderaan atau kapal pengangkut di permukaan hendaklah tidak melebihi Had Pengangkut dinyatakan di dalam jadual ataupun jumlah amaun Pampasan yang boleh dibayar berkenaan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** itu, yang mana satu lebih rendah.

Had Pampasan berkenaan dengan mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan

1. Kami tidak akan membayar bagi :
 - a. mana-mana **Kecederaan** khusus di bawah Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 yang, bagi Kecederaan yang sama itu pampasan yang lebih besar adalah boleh dibayar bagi bahagian lain Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 yang termasuk juga **Kecederaan** khusus itu.
 - b. Manfaat 1 sebagai tambahan kepada mana-mana Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 sekiranya ianya disebabkan oleh **Kecederaan** yang sama, melainkan sekiranya suatu pembayaran telah dibuat di bawah mana-mana bahagian Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 dan kematian telah berlaku selepas itu yang secara tunggalnya disebabkan oleh dan dalam masa 104 minggu dari **Kecederaan** itu, maka kami akan membayar mana-mana perbezaan sekiranya Pampasan yang boleh dibayar untuk Manfaat 1 adalah lebih besar daripada yang telah dibayar untuk Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3,
 - c. lebih daripada 100% secara agregat bagi mana-mana atau kesemua Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 untuk mana-mana satu **Orang Yang Diinsuranskan**,
 - d. Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 sehingga amaun keseluruhan pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.
2. **Manfaat Mingguan** tidak akan boleh dibayar bagi:
 - a. mana-mana tempoh masa yang berikutnya selepas kematian **Orang Yang Diinsuranskan** ataupun yang berikutnya selepas pampasan menjadi boleh dibayar di bawah mana-mana bahagian Manfaat 2 dan 3,

- b. kedua-dua manfaat 6 dan 7 bagi tempoh hilang upaya yang sama
3. Sebarang bayaran yang dibuat di bawah **manfaat mingguan** akan ditolak daripada mana-mana pampasan berikut yang boleh dibayar di bawah manfaat 1 hingga 3.
 4. **Manfaat Mingguan** bagi salah satu atau kedua-dua Manfaat 6 dan 7 adalah boleh dibayar apabila amaun keseluruhan telahpun dipersetujui, atau dengan permintaan anda pada jarak waktu yang tidak kurang daripada empat minggu (tetapi tidak didahulukan) yang bermula empat minggu selepas makluman bertulis tentang **Kecederaan** itu telah diterima oleh **kami**.
 5. Tiada apa-apa yang boleh dibayar berkenaan dengan Manfaat 8 sekiranya terdapat mana-mana insurans lain yang sedang berkuat kuasa melindungi kerugian itu atau sekiranya anda atau **Orang Yang Diinsuranskan** adalah berhak kepada indemniti daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat kami hendaklah tidak dilepaskan daripada liabiliti di bawah Manfaat ini sejauh mana yang berkaitan dengan mana-mana lebihan yang menjangkau amaun insurans atau indemniti lain sedemikian yang boleh dibayar.

NB - Segala Manfaat Tambahan adalah tertakluk selainnya kepada Terma, Pengecualian dan Syarat di bawah Polisi ini.

Seksyen II

Liabiliti Diri

Manfaat ini akan dianggap sebagai sebahagian daripada polisi ini sekiranya ianya dinyatakan di dalam **Jadual**.

Kami akan menanggung rugi **Orang Yang Diinsuranskan** di mana-mana sahaja di dunia melainkan Amerika Syarikat dan Kanada terhadap:

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Segala jumlah yang Orang Yang Diinsuranskan menjadi bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayar pampasan berkenaan dengan : <ol style="list-style-type: none"> a. kecederaan tubuh kemalangan ke atas mana-mana orang b. kerosakan kemalangan ke atas harta benda 2. Segala kos dan perbelanjaan litigasi yang telah didapatkan semula oleh mana-mana pihak menuntut ke atas Orang Yang Diinsuranskan berkenaan dengan tuntutan-tuntutan ke atas Orang Yang Diinsuranskan bagi pampasan yang mana indemniti yang telah dinyatakan di dalam Seksyen ini boleh dikenakan 3. Segala kos dan perbelanjaan litigasi yang ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada kami berkenaan dengan tuntutan-tuntutan ke atas Orang Yang Diinsuranskan bagi pampasan yang mana indemniti yang dinyatakan di dalam Seksyen ini boleh dikenakan | |
|---|--|

Sekiranya berlaku kematian ke atas **Orang Yang Diinsuranskan** kami berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akan menanggung rugi wakil peribadi **Orang Yang Diinsuranskan** menurut terma dan tertakluk kepada had-had seksyen ini dengan syarat bahawa wakil peribadi berkenaan hendaklah seolah-olah mereka adalah **Orang Yang Diinsuranskan** mematuhi, memenuhi dan menuruti Terma, Pengecualian dan Syarat Polisi ini sejauh mana ia boleh dikenakan.

Peruntukan Khas

- a. **Kehilangan**
Syarikat hendaklah menganggap bahawa kematian telah dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya dia hilang selama dua belas bulan berturut-turut, dan bukti yang mencukupi telah dikemukakan yang membawa kepada kesimpulan Syarikat bahawa kematian telah diakibatkan oleh suatu **Kecederaan Badan**. Walau bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas pembayaran Manfaat untuk kematian tersebut **Orang Yang Diinsuranskan** itu didapati masih hidup, maka Manfaat itu hendaklah dipulangkan semula kepada Syarikat.
- b. **Pendedahan**
Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami suatu **Kecederaan** dan selepas itu oleh kerana **Kecederaan** itu mengalami kematian atau hilang upaya sebagai akibat pendedahan kepada elemen-elemen peril semulajadi, maka kami akan mengambil kira kematian atau hilang upaya sedemikian sebagai telah disebabkan oleh suatu **Kecederaan**.

c. **Fasal Bidang Kuasa**

Indemniti yang disediakan di bawah Seksyen II Polisi ini tidak akan dikenakan berkenaan dengan penghakiman yang bukan diberikan atau didapatkan pertama-tama daripada suatu Mahkamah bidang kuasa kompeten di dalam Republik Singapura, Malaysia atau Negara Brunei Darussalam tidak juga kepada pemerintah yang diperolehi daripada Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Republik Singapura, Malaysia atau Negara Brunei Darussalam melalui cara peruntukan bersaling atau yang sebaliknya.

d. **Fasal Risiko Siber (Fasal Penjelasan Teknologi Maklumat)**

Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan dikenakan kepada liabiliti berkenaan apa-apa tuntutan atau kerugian yang timbul daripada apa-apa aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau diurusniagakan melalui Internet, Intranet, Ekstranet, dan / atau melalui laman web, laman Internet, alamat web dan/atau melalui transmisi surat elektronik atau dokumen oleh kaedah elektronik kepunyaan Diri Yang Diinsuranskan.

Pengecualian Am

Berkenaan dengan perlindungan untuk **Seksyen I**, kami tidak akan membayar pampasan untuk:

1. Kecederaan, kematian, kerosakan, kos atau perbelanjaan daripada apa-apa sifat yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - a. pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear
 - b. bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya
 - c. apa-apa senjata perang yang menggunakan pemisahan atom atau nuklear dan/atau gabungan atau reaksi seumpama yang lain atau kuasa atau bahan radioaktif
2. **Kecederaan** atau kematian yang disebabkan oleh :
 - a. peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara
 - b. dahagi, kebangkitan tentera, kebangkitan, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang ketenteraan atau keadaan pengepungan atau mana-mana keadaan atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pemakaian undang-undang ketenteraan atau keadaan pengepungan.
 - c. bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan hayat manusia), atau tindakan yang melanggar undang-undang,
 - d. kehamilan, kelahiran anak, atau kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental,
 - e. **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah pengaruh dadah melainkan dadah tersebut diambil menurut suatu preskripsi perubatan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk rawatan penagihan dadah),
 - f. timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau diakibatkan atau disebabkan oleh HIV (Virus Kekurangan Imun Manusia) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana ia disebabkan dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasi atau rawatan daripadanya walau bagaimana ia disebabkan.
3. **Kecederaan** atau kematian yang diakibatkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** semasa melibatkan diri dalam :
 - a. perjalanan udara melainkan sebagai seorang penumpang di dalam sebuah pesawat pengangkut penumpang yang berlesen penuh.
 - b. mana-mana aktiviti anak kapal, perdagangan, teknikal atau kesukanan yang berkaitan dengan sesebuah pesawat yang dalam penerbangan.
4. **Kecederaan** atau kematian yang diakibatkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** semasa melibatkan diri atau berlatih dalam :
 - a. terjunan payung
 - b. luncur gantung
 - c. apa-apa jenis perlumbaan (selain daripada dengan menggunakan kaki atau berenang) atau percubaan kelajuan ataupun kebolehan
 - d. pendakian gunung

Indemniti yang dinyatakan di dalam **Seksyen II** tidak boleh dikenakan ataupun tidak termasuk:

1. Liabiliti yang diterima oleh seorang **Orang Yang Diinsuranskan** dengan perjanjian dan yang tidak akan dikepulkan dengan ketiadaan perjanjian sedemikian,
2. Liabiliti berkenaan dengan kecederaan kepada atau keuzuran atau penyakit mana-mana orang di bawah suatu kontrak perkhidmatan ataupun perantisan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya liabiliti sedemikian adalah berkenaan dengan kecederaan, keuzuran atau penyakit yang berpunca daripada dan ketika penggajian orang sedemikian oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, atau mana-mana jumlah yang boleh dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** itu di bawah perundangan yang berkaitan dengan kecederaan, keuzuran atau penyakit di tempat kerja.

3. Liabiliti berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan ke atas harta benda:
 - a. yang dimiliki oleh **Orang Yang Diinsuranskan**
 - b. yang dalam kendalian atau di bawah pengawalan **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana orang suruhan atau ejen **Orang Yang Diinsuranskan**.
4. Liabiliti berkenaan dengan **Kecederaan** ke atas mana-mana orang yang merupakan seorang ahli keluarga **Orang Yang Diinsuranskan** itu sendiri atau merupakan seorang ahli isi rumah **Orang Yang Diinsuranskan** itu.
5. Liabiliti berkenaan dengan kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang berkaitan dengan atau yang berpunca daripada:
 - a. pemilikan atau pemunyaan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** ke atas mana-mana haiwan (selain daripada seekor anjing atau kucing), pesawat udara, kenderaan bermotor, kapal, segala jenis senjata api ataupun perahu daripada apa-apa jenis pun;
 - b. pemilikan pemunyaan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** ke atas mana-mana tanah atau bangunan; atau
 - c. mana-mana profesion pekerjaan atau perniagaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau apa-apa yang telah dilakukan yang berkaitan dengan atau bagi tujuannya.
6. Liabiliti berkaitan dengan mana **Orang Yang Diinsuranskan** adalah ataupun akan namun dengan kewujudan Seksyen ini ditanggung rugi di bawah mana-mana polisi insurans lain, bagi kes sedemikian indemniti di bawah Seksyen ini tidak boleh dikenakan sehinggalah amaun indemniti penuh di bawah polisi lain yang sedemikian telah dikenakan sejauh mana ianya dapat memuaskan liabiliti tersebut.
7. Liabiliti dalam keadaan apa-apa pun bagi:
 - a. **Kecederaan** diri atau kehilangan atau kerosakan atau kehilangan penggunaan harta benda yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh ketirisan, pengotoran atau pencemaran
 - b. kos mengalihkan, membasmi atau membersihkan bahan ketirisan, pengotoran atau pencemaran
 - c. denda, penalti, ganti rugi punitif atau teladan
8. Semua tuntutan dan kerugian yang berdasarkan, timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung terhasil daripada atau akibat daripada, atau dengan apa-apa cara melibatkan:
 - a. asbestos, atau
 - b. apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang didakwa, berkaitan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pembuangan, penghapusan atau pengelakan asbestos atau pendedahan atau potensi pendedahan kepada asbestos.

Jika kami mendakwa bahawa dengan alasan Pengecualian Am ini apa-apa tuntutan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban membuktikan tuntutan itu adalah dilindungi hendaklah terletak pada **anda**.

Pengecualian Am (yang dikenakan kepada seluruh polisi)

Polisi ini tidak melindungi mana-mana kematian, hilang upaya (kekal dan sementara), perbelanjaan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, atau disumbangkan oleh, atau timbul daripada atau akibat daripada **mana-mana Tindakan Keganasan**. Bagi tujuan ini sesuatu tindakan keganasan bermaksud suatu tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman daripadanya, oleh mana-mana orang atau kumpulan (-kumpulan) orang, sama ada bertindak berseorangan atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi (-organisasi) atau kerajaan (-kerajaan), yang komited terhadap politik, agama atau ideologi atau tujuan serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

Syarat Am

Syarat yang terkandung dalam Polisi atau dalam mana-mana Endorsemen adalah sebahagian daripada kontrak dan mestilah dipatuhi. Sifatnya mengizinkan syarat tersebut menjadi syarat terdahulu kepada hak untuk menuntut terhadap kami.

1. **Salah Nyata Atau Ketinggalan Fakta Penting**
 Jika:
 - (a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang Anda berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
 - (b) sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, Anda gagal mendedahkan apa-apa fakta yang Anda ketahui yang berkaitan dengan keputusan Kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
 - (c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.
 maka dalam mana-mana hal di atas, Polisi ini adalah batal.
2. **Notis**
 Anda mestilah memberitahu kami secara bertulis dengan serta-merta apabila **anda** menyedari apa-apa perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau usaha mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan**, atau perubahan-perubahan lain yang boleh meningkatkan kemungkinan suatu tuntutan di bawah Polisi ini. **Anda** mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan sebagai hasil perubahan sedemikian.

3. **Pelepasan**
Resit **anda** atau wakil diri **anda** yang sah atau mana-mana orang yang kepadanya apa-apa manfaat dinyatakan patut dibayar, hendaklah dalam semua kes secara efektif melepaskan liabiliti kami.
4. **Pembaharuan**
Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara **Diri Yang Diinsuranskan** dengan kami tetapi dalam apa-apa kes berkenaan mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah diberhentikan pada tamatnya **Tempoh Insurans** semasa **Orang Yang Diinsuranskan** itu mencapai umur tujuh puluh tahun.
5. **Penyelarasan Premium**
Sekiranya mana-mana bahagian daripada premium adalah dikira dengan berdasarkan anggaran yang diberikan oleh anda maka anda hendaklah bersetuju untuk menyimpan rekod yang tepat yang mengandungi segala butir berkaitan, dan membenarkan kami untuk memeriksa rekod sedemikian. Dalam masa satu bulan dari tamatnya setiap tempoh insurans dan juga pada bila-bila masa kami memintanya, anda mestilah bersetuju untuk mengemukakan maklumat-maklumat yang kami minta itu, dan premium berkenaan hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya.
6. **Pembatalan**
Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa melalui surat. Sebarang pembayaran balik premium adalah pada asas pro-rata dan tertakluk kepada premium minima sebanyak RM160.00 dan Kadar Cukai Semasa yang boleh dikenakan oleh kami. Kami boleh membatalkan Polisi **anda** atau mana-mana Seksyen dengan menghantar notis tujuh (7) hari melalui surat penghantaran berdaftar atau surat berdaftar ke alamat terakhir **anda** yang diketahui. Sebarang pembayaran balik premium adalah bergantung kepada asas pro-rata.
Didalam sebarang keadaan, pemulangan premium akan tertakluk kepada berapa lamanya tempoh Polisi telah berkuatkuasa dengan syarat bahawa tiada sebarang tuntutan telah dibuat semasa dalam tempoh ini.
7. **Tunai Sebelum Lindung**
Sekiranya polisi insurans ini melindungi kepentingan peribadi pemegang polisi, syarat berikut akan digunapakai:
Insurans ini tidak akan berkuatkuasa kecuali premium belum bayar telahpun dibayar. Syarat waranti premium yang dinyatakan di dalam polisi adalah dengan ini dihapuskan.

Syarat Tuntutan

1. **Syarat Terdahulu**
Bayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh anda, dan setakat mana ia dikenakan, oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut.
2. **Nasihat Kerugian**
Anda mestilah menghubungi dan memberikan notis bertulis kepada kami dengan butiran penuh dalam masa tujuh (7) hari atas penerimaan notis atau mengalami kemalangan, kerugian atau kerosakan. **Anda** mestilah memberitahu **Kami** jika **Anda** mengetahui apa-apa writ, saman atau pendakwaan terhadap **Anda**. **Anda** mestilah dengan serta-merta menghantar **Kami** setiap surat atau dokumen yang berkaitan dengan tuntutan.
3. **Dokumen**
Semua laporan perubatan, sijil, maklumat dan keterangan mestilah dikemukakan atas perbelanjaan **anda** atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut dalam bentuk dan keadaan yang dikehendaki. Dalam kejadian kematian **Orang Yang Diinsuranskan** kami mengkehendaki sijil kematian ditunjukkan dan mungkin mengkehendaki pemeriksaan post-mortem dibuat atas perbelanjaan kami.
4. **Pemeriksaan Perubatan**
Anda atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mendapatkan perkhidmatan **Pengamal Perubatan** yang berdaftar dan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani mana-mana rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal sedemikian. **Orang Yang Diinsuranskan** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan selanjutnya yang dikehendaki oleh kami atas perbelanjaan kami.
5. **Liabiliti**
Anda atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak anda, tidak boleh berunding atau menafikan liabiliti tanpa kebenaran bertulis kami berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan. Pada bila-bila masa selepas berlaku mana-mana kejadian yang menimbulkan suatu tuntutan atau siri tuntutan di bawah Seksyen II Polisi ini, kami boleh membayar anda amaun penuh liabiliti kami atau apa-apa jumlah yang lebih kecil yang baginya tuntutan itu boleh diselesaikan dan memberhentikan perjalanan mana-mana tuntutan pembelaan atau prosiding dan kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan kerugian atau liabiliti yang didakwa telah disebabkan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** akibat mana-mana tindakan atau ketinggalan kami yang didakwa berhubung dengan tuntutan pembelaan atau prosiding sedemikian atau pemberhentian perjalanan sedemikian oleh kami tidak juga kami bertanggungjawab untuk apa-apa kos atau perbelanjaan apa-apa jua yang dibelanjakan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut atau orang lain selepas kami memberhentikan tindakan sedemikian.
6. **Prosiding Undang-undang**
Kami boleh membela dan menyelesaikan mana-mana tindakan undang-undang dalam nama anda. Kami boleh mendapatkan semula mana-mana bayaran yang kami buat di bawah Polisi kepada mana-mana orang lain atas perbelanjaan kami sendiri dan untuk manfaat kami dan kami boleh melakukannya dalam nama **anda**. **Anda** perlu memberikan kami semua maklumat dan bantuan yang kami kehendaki. Apa-apa penepian hak adalah atas perbelanjaan **Anda** sendiri.

7. **Timbangtara**
Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara, dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, seorang Penimbangtara akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dan dalam kes Penimbangtara-penimbangtara tersebut tidak bersetuju dengan keputusan seorang Wasit yang telah dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum membuat rujukan. Wasit tersebut hendaklah duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat mereka dan pemberian suatu Award adalah sebagai syarat terdahulu bagi apa-apa hak untuk bertindak terhadap kami. Jika kami menolak tuntutan liabiliti kepada anda atau wakil peribadi untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam dokumen ini dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan tersebut, maka tuntutan tersebut adalah disifatkan telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh dikembalikan menurut dokumen ini kemudiannya.
8. **Sumbangan**
Apabila suatu kejadian menghasilkan tuntutan di bawah Seksyen II Polisi ini dan terdapat insurans yang melindungi kerugian atau kerosakan yang sama, **kami** akan membayar hanya bahagian berkadar kami.

Waranti Premium

Adalah menjadi syarat asas dan khas mutlak Kontrak Insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari bermulanya tarikh insurans ini. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini terbatal secara automatik dan Penanggung Insurans berhak menerima premium pro-rata bagi tempoh mereka berada dalam risiko. Apabila premium yang patut dibayar menurut waranti ini diterima oleh seorang ejen Penanggung Insurans yang diberikuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium yang patut dibayar tersebut telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak diberikuasa untuk menerima premium sedemikian hendaklah terletak pada Penanggung Insurans.

Fasal Sekatan Had dan Pengecualian

Tiada syarikat insurans boleh dianggap memberi perlindungan dan tiada syarikat insurans bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau memberi sebarang manfaat dibawah polisi ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan syarikat insurans kepada mana-mana sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah atau United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Prosedur Aduan

Kami percaya **anda** berhak untuk mendapat perkhidmatan yang berhemah, adil dan segera. Jika wujud sebarang keadaan yang menjadikan perkhidmatan **kami** tidak menepati jangkaan **anda**, sila hubungi **kami** menggunakan butir-butir hubungan di bawah dan memberikan Nombor Polisi/Nombor Tuntutan dan Nama **Orang Yang Diinsuranskan**:

1. Pertama, dengan jabatan atau orang yang **anda** hubungi bila berurusan dengan **kami** untuk memaklumkan bagaimana **anda** mahu masalah diselesaikan.
2. Kedua, jika masalah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan **anda**, maka anda boleh membuat aduan bertulis secara formal kepada Jabatan Khidmat Pelanggan **kami** di:

Talian Khidmat Pelanggan : 1 - 800 - 88 - MSIG (6744)
Faks : 03 - 2026 8086
E-mel : myMSIG@my.msig-asia.com
Laman web : www.msig.com.my
Alamat : Jabatan Khidmat Pelanggan
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Level 15, Menara Hap Seng 2
Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur

3. Ketiga, jika **anda** tidak berpuas hati dengan keputusan **kami**, anda boleh merujuk perkara tersebut kepada OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK) atau BANK NEGARA MALAYSIA menerusi BNMTELELINK atau BNMLINK:

a. **OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK)**

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Telefon : 03 - 2272 2811
Faks : 03 - 2272 1577

E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman web : www.ofs.org.my

- b. **LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)**
(Walk-in Customer Service Centre)
Ground Floor, D Block,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Telefon : 03 – 2698 8044
Extension : 8950 / 8958 (BNMLINK General Lime)
- c. **CONTACT CENTRE (BNMTELELINK)**
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia,
P.O.Box 10922,
50929 Kuala Lumpur.
Telefon : 1 – 300 – 88 – 5465 (1 - 300 - 88 - LINK)
Overseas : 03 – 2174 1717
Faks : 03 – 2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi **anda**, bermakna **anda** memberi kebenaran kepada **kami** untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:-

1. Untuk memproses Data Peribadi **anda** dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak Insurans.
2. **Anda** membenarkan dan mengizinkan **kami** untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan **kami**, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a. Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b. Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans
 - c. Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d. ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
3. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen **MSIG** untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang **kami** mungkin dedahkan Data Peribadi **anda**, sila rujuk kepada Notis Privasi **MSIG** di www.msig.com.my.

Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **anda** dengan menghubungi Jabatan Khidmat Pelanggan **kami**. Maklumat tersebut hanya akan diberi selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

“PEMBERITAHUAN

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.”

Pemegang Polisi/**Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah membaca Polisi ini dengan berhati-hati, dan jika apa-apa kesilapan atau salah gambaran ditemui dalam perjanjian ini, atau jika perlindungan adalah tidak mengikut hasrat Pemegang Polisi/**Orang Yang Diinsuranskan**, sila beritahu **Syarikat** dengan serta-merta dan kembalikan Polisi tersebut untuk perhatian.